

'Pengeras'
10 sen
BH 8 JUL 1985
daripada PM
gamatkan
mesyuarat
Umno

KUALA PILAH, Ahad — Dewan Majlis Daerah Kuala Pilah di sini, yang penuh sesak dengan perwakilan dan pemerhati mesyuarat perwakilan ke-36 Umno bahagian Kuala Pilah gamat apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghulurkan wang syiling 10 sen kepada Ketua Umno bahagian itu, Datuk Mansor Othman.

Sebaik sahaja selesai upacara perasmian mesyuarat itu, Perdana Menteri merangkap Presiden Umno telah dihadiahkan cenderamata berupa sebilah keris oleh Datuk Mansor.

Datuk Seri Dr Mahathir apabila menerima cenderamata itu telah mengeluarkan wang syiling 10 sen lalu memberikannya kepada Datuk

Mansor sebagai 'pengeras' dan ini membuat para hadirin termasuk Menteri Besar, Datuk Mohd Isa Haji Abdul Samad dan Menteri Penerangan, Datuk Rais Yatim ketawa besar.

Dewan yang dipenuhi oleh hampir 600 orang itu sekali lagi menjadi riuh rendah apabila tiba pula giliran bekas Menteri Besar Negeri Sembilan itu menerima cenderamata yang serupa daripada Perdana Menteri.

Cenderamata

Datuk Seri Dr Mahathir sebelum menyampaikan cenderamata itu telah meminta wang 'pengeras' daripada Datuk Mansor. Bekas Menteri Besar Negeri Sembilan itu semacam 'terpinga-pinga' sebentar sebelum menyerahkan wang syiling yang sama kepada Perdana Menteri, menjadikan dewan gamat semula.

Mengikut kepercayaan orang tua-tua, apabila seseorang itu diberikan hadiah sesuatu senjata tajam seperti keris, penerimanya hendaklah memberikan wang pengerasnya kepada pemberi mengikut sesuka hatinya.

Sekiranya ini tidak dilakukan, maka senjata itu dikatakan tidak mendatangkan sebarang makna kepada si penerima dan mungkin akan 'memakan tuan'.